- H2b Terbahagi kpd 3 komponen iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman
- H2c Kuasa memerintah dipegang oleh kerajaan yang dipilih rakyat
- H2d Rakyat bertanggungjawab memilih wakil mereka melalui pilihan raya

**F3 Kedaulatan Undang-Undang**

- H3a Kerajaan dan rakyat tertakluk di bawah undang-undang
- H3b Mengekalkan keamanan negara demi kesejahteraan negara
- H3c Kandungan Perlembagaan PTM 1957 menjadi asas kedaulatan negara merdeka / memelihara hak rakyat

**F4 Lambang**

- H4a Merupakan identiti / jati diri rakyat
- H4b Simbol perpaduan berdasarkan sosiobudaya / sejarah negara
- H4c Mempunyai nilai kedaulatan tersendiri
- H4d Rakyat perlu menghormati simbol rasmi negara
- C4d Jata Negara / Lagu Kebangsaan / Bendera Kebangsaan / Bunga Kebangsaan

## **F5 Pengiktirafan sebagai Rakyat**

- H5a Mendapat hak asasi yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang
- C5a Kebebasan bersuara / mengeluarkan pendapat
- H5b Rakyat mematuhi perlembagaan / mempunyai hak / tanggungjawab terhadap negara
- H5c Bijak menggunakan hak masing-masing bagi mengekalkan keharmonian negara

## **9 Bagaimanakah anda menghargai nilai kemerdekaan yang dikecapi sekarang? KBAT**

- F1 Menjadi warganegara yang baik dengan mengamalkan sikap menghormati pemimpin pelbagai kaum yang gigih berusaha memajukan negara
- F2 Mematuhi undang-undang negara dengan menghindari diri melakukan jenayah seperti merompak
- F3 Mengukuhkan perpaduan antara kaum dengan meraikan sambutan perayaan bersama-sama
- F4 Menghormati hak dan keistimewaan sesuatu kaum agar perkara sensitif tidak dipersoalkan secara terbuka
- F5 Menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara dengan melibatkan diri sebagai pekerja yang proaktif menyokong pembangunan negara
- F6 Menjadi usahawan berjaya dalam bidang perniagaan supaya dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat
- F7 Bersedia mempertahankan keselamatan negara dengan menyertai pasukan polis / tentera
- F8 Memastikan hubungan erat antara kaum dikekalkan supaya kedaulatan negara terpelihara

## **10 Usaha membangunkan negara selepas merdeka. (KBAT)**

- F1 Meningkatkan taraf hidup rakyat dengan menyediakan peluang pekerjaan yang banyak
- F2 Mengadakan hubungan baik dengan semua negara agar pertumbuhan ekonomi dapat berjalan lancar
- F3 Membuka tanah baharu secara besar-besaran bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah
- F4 Menyediakan kemudahan asas untuk penempatan di kawasan luar bandar
- F5 Mewajibkan pendidikan untuk semua golongan rakyat bagi mengurangkan kemiskinan
- F6 Merapatkan jurang pendapatan rakyat di bandar dan luar bandar
- F7 Mempelbagaikan jenis tanaman bagi mengurangkan pergantungan kepada getah dan bijih timah
- F8 Menubuhkan pelbagai agensi untuk memajukan sektor pertanian dan perikanan seperti
- F9 Menggalakkan pelaburan asing dalam membantu perkembangan perusahaan berat
- F10 Memperkenalkan pelbagai dasar negara untuk meningkatkan kecekapan organisasi

## **11 Bagaimana rakyat dapat mempertahankan kemerdekaan. (KBAT)**

- F1 Menunjukkan kesetiaan kepada raja sebagai lambang kedaulatan negara
- F2 Memelihara perpaduan antara kaum dengan meraikan perayaan kaum lain
- F3 Menggunakan kebebasan bersuara dengan cara yang betul tanpa membangkitkan isu sensitif
- F4 Menghormati lambang negara seperti bendera sebagai tanda cinta akan negara
- F5 Mengagihkan kekayaan sumber ekonomi negara dengan seimbang tanpa mengira kaum

- F6 Mengamalkan sikap tolak ansur demi mengelakkan berlakunya konflik antara kaum
- F7 Menghayati prinsip Rukun Negara bagi mewujudkan keharmonian dalam masyarakat
- F8 Menunjukkan semangat patriotisme dengan melibatkan diri dalam program pembangunan negara
- F9 Mewujudkan hubungan yang erat dengan negara luar ke arah kemajuan dalam pelbagai aspek
- F10 Menjadi sukarelawan anggota keselamatan agar kesejahteraan negara terjamin

## **T5 BAB 1**

### **1 Jelaskan maksud Kedaulatan. ( ms 4-5)**

- F1 Kekuasaan tertinggi /kewibawaan sesebuah negara yang bebas
- F2 Mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara
- F3 Supremasi atau superanus
- F4 Bermaksud agung atau tertinggi
- F5 Negara yang bebas dan merdeka
- F6 Sovereignty/negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan
- F7 Daulah yang bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- F8 Merujuk perkataan daulat/kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara
- F9 Kuasa tertinggi kerajaan bagi menjalankan pemerintahan negara yang bebas dan merdeka
- F10 Aristotle/kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara/kerajaan yang terikat oleh undang-undang
- F11 Ibnu Khaldun/kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya/kekuatan semangat kekitaan yang diiringi dengan kekuatan semangat beragama menyebabkan sesuatu bangsa rela untuk berkorban demi mencapai cita-cita yang sama
- F12 Jean Bodin/kuasa tertinggi dalam sesebuah negara/kedaulatan mempunyai sifat kekal dan mempunyai kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya
- F13 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj/Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat
- F14 Tun Dr. Mohamed Salleh Abas/asas negara yang merdeka/memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk asing
- F15 Kekuasaan tertinggi/kewibawaan sesebuah negara merdeka untuk menjalankan pemerintahan/melaksanakan undang-undang

### **2 Terangkan jenis-jenis Kedaulatan (ms 6-7)**

#### **F1 Kedaulatan Tradisional**

- H1a Sistem pemerintahan berkuasa mutlak
- H1b Menguasai sepenuhnya segala urusan negara
- H1b Wujud sejak tamadun awal manusia
- H1c Kedaulatan Raja-raja Melayu
- H1d Kekuasaan / kewibawaan raja
- H1e Raja adalah pemerintah yang mempunyai kuasa tertinggi
- H1f Kedudukan/kedaulatan raja diperkukuh oleh taat setia rakyat

## **F2 Kedaulatan Moden**

- H2a Idea kemunculan negara bangsa selepas Revolusi Keagungan di England/Revolusi Perancis
- H2b Hak rakyat / kerajaan berpelembagaan
- H2c Nasionalisme menggunakan unsur persamaan rumpun bangsa dan bahasa untuk membentuk negara bangsa masing-masing
- H2d Hasil gabungan negeri yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Persekutuan Malaysia 1963

## **F3 Kedaulatan Undang-undang**

- H3a Kerajaan dan rakyat terikat oleh undang-undang yang perlu dipatuhi
- H3b Menjamin keadilan dalam kehidupan bermasyarakat
- H3c Menjadikan negara aman/stabil/makmur
- H3d Badan kehakiman yang bebas / berwibawa diwujudkan
- H3e Memelihara/ melaksanakan kedaulatan undang-undang
- H3f Menjadi prinsip keempat dalam Rukun Negara

## **F4 Kedaulatan Antarabangsa**

- H4a Pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) terhadap sesebuah negara
- H4b Tidak boleh dicabuli oleh negara lain
- H4c Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970, mengesahkan prinsip persamaan kedaulatan dari segi undang-undang antarabangsa
- H4d Dunia mengiktiraf negara kita sebagai negara yang bebas/merdeka/berdaulat

## **3 Jelaskan ciri-ciri negara berdaulat. (ms 8-9)**

### **F1 Mempunyai pemerintahan**

- H1a Untuk menjaga kestabilan politik/keamanan/pertahanan/ekonomi
- H1b Dijalankan secara teratur
- H1c Malaysia mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- H1d Ketua Utama Negara ialah Yang di-Pertuan Agong
- H1e Ketua Kerajaan ialah Perdana Menteri yang dibantu oleh Jemaah Menteri

### **F2 Mempunyai sempadan**

- H2a Garis pemisah antara negeri atau negara
- H2b Malaysia negara yang berkongsi sempadan darat/ air/ udara dengan negara jiran
- C2a Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei dan Filipina
- H2c Sempadan Malaysia diakui oleh masyarakat antarabangsa, khususnya PBB
- H2d Penetapan sempadan memudahkan urusan pemerintahan / pentadbiran /pertahanan/pembangunan ekonomi

### **F3 Mempunyai Perundangan**

- H3a Menjadi asas kepada peraturan negara
- H3b Untuk memelihara kesejahteraan/menjamin keadilan/melindungi rakyat
- H3c Asas kepada sistem perundangan berpandukan Perlembagaan Persekutuan
- H3d Parlimen bertanggungjawab menggubal / menentukan sistem perundangan negara kita

**F4 Mempunyai Rakyat**

- H4a Penduduk di sesebuah negara
- H4b Terikat kepada undang-undang/ peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah
- H4c Terdiri daripada pelbagai kaum/ agama/ adat resam
- H4d Disatukan melalui satu bahasa/ kebudayaan/ Rukun Negara/ identiti nasional yang sama

**4 Huraikan kepentingan mewujudkan negara berdaulat (ms 10 -11)****F1 Keberkesanan Pentadbiran**

- H1a Memberikan kebebasan kepada negara untuk menjalankan urusan pentadbiran tanpa campur tangan pihak luar
- H1b Dasar pentadbiran negara dilaksanakan dengan berkesan melalui Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan
- H1c Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dilakukan melalui pengagihan kuasa
- H1d Sistem pentadbiran diperkukuh melalui peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan

**F2 Kemakmuran Ekonomi**

- H2a Melaksanakan dasar ekonomi yang mampan
- H2b Memajukan / meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum di Malaysia
- H2c Meliputi bidang pertanian/ perindustrian/ perdagangan

**F3 Kesejahteraan Sosial**

- H3a Melaksanakan dasar sosial bagi kesejahteraan rakyat
- H3b Dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berkemahiran melalui pendidikan
- H3c Dapat memberikan sumbangan untuk pembangunan negara
- H3d Melalui bahasa kebangsaan/kebudayaan/sukan/Rukun Negara
- H3e Memupuk perasaan muhibah / semangat perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum

**F4 Kecemerlangan Hubungan Luar Negara**

- H4a Memberikan hak kepada negara untuk menjalinkan hubungan dengan negara lain
- H4b Dibentuk melalui penggubalan dasar luar negara
- H4c Menjalinkan hubungan diplomatik/ persahabatan dengan negara lain
- H4d Mengadakan perjanjian/ kerjasama dalam pelbagai bidang
- H4e Malaysia menikmati pelbagai faedah/ kelebihan dalam usaha mempertahankan kedaulatan
- H4e Keanggotaan Malaysia dalam pertubuhan serantau/ antarabangsa meningkatkan imej negara
- H4f Masyarakat antarabangsa mengakui peranan/ kebolehan negara setaraf negara lain di dunia

## **5 Jelaskan langkah-langkah bagi mempertahankan kedaulatan negara. (m12-15)**

### **F1 Mewujudkan Kestabilan Politik dan Kemakmuran Ekonomi**

- H1a Pemerintah melaksanakan pentadbiran dengan cekap
- H1b Menjalankan pelbagai usaha/ program bagi memajukan ekonomi
- H1c Rakyat memberikan kerjasama untuk menjayakan semua usaha/ program yang dilaksanakan oleh pemerintah
- H1d Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran
- H1e Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil kepada semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi
- H1f Melaksanakan undang-undang negara menurut perlembagaan secara berkesan
- H1g Rakyat memberikan kesetiaan kepada raja dan negara
- H1h Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik
- H1i Memupuk kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua
- H1j Mematuhi undang-undang negara

### **F2 Mengekalkan Perpaduan Kaum**

- H2a Pemerintah menggubal dasar/ undang-undang bagi meningkatkan perpaduan / integrasi nasional
- H2b Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa/ pendidikan/ kebudayaan oleh kementerian serta agensi berkaitan
- H2c Merangka program serta kempen yang bersesuaian
- H2d Memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi
- H2e Rakyat menggunakan Bahasa kebangsaan
- H2f Menghayati prinsip Rukun Negara
- H2g Memahami/ menghormati agama/ budaya pelbagai kaum
- H2h Mengamalkan semangat perkongsian/bertoleransi
- H2i Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan

### **F3 Memupuk Patriotisme**

- H3a Menganjurkan sambutan Hari Kebangsaan/Hari Pahlawan untuk menimbulkan kecintaan negara
- H3b Mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah bagi melahirkan generasi yang peka terhadap sejarah negara
- H3c Menganjurkan kempen cinta akan negara
- H3d Menerbitkan filem/ rencana untuk memupuk patriotisme melalui pelbagai media
- H3e Memberikan pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada negara dengan mengabadikan nama mereka pada bangunan / jalan
- H3f Menghormati lambang negara seperti bendera Jalur Gemilang/ Jata Negara/ Lagu Negaraku
- H3g Menyanjungi/ menghargai adat/ warisan negara
- H3h Meningkatkan imej negara dengan melakar kejayaan dalam bidang pendidikan/ sukan/ ekonomi
- H3i Menghargai tokoh pelbagai kaum yang berjuang untuk kemerdekaan/ kedaulatan negara

### **F4 Mengukuhkan Pertahanan Negara**

- H4a Pemerintah menggubal dasar/ undang-undang untuk melindungi keselamatan negara
- H4b Mengadakan perjanjian pertahanan/ latihan ketenteraan bersama-sama negara serantau dan antarabangsa
- H4c Memodenkan aset ketenteraan untuk mengukuhkan pasukan pertahanan

- H4d Memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersedia siaga menghadapi cabaran semasa
- H4e Rakyat peka terhadap isu keselamatan negara/ memberikan maklumat tentang pencerobohan sempadan negara
- H4f Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan/ kedaulatan negara
- H4g Menganggotai pasukan keselamatan/ pasukan sukarelawan untuk mempertahankan negara
- H4h Sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara

**6 Sebagai pemimpin di Malaysia, bagaimana anda mengekalkan kedaulatan negara? KBAT**

- F1 Mewujudkan kestabilan politik
- F2 Melaksanakan pentadbiran yang cekap
- F3 Mewujudkan kemakmuran ekonomi
- F4 Mempelbagaikan usaha/ program pembangunan ekonomi
- F5 Mengekalkan perpaduan kaum
- F6 Menggubal dasar/ peraturan berkaitan perpaduan kaum/ integrasi nasional
- F7 Memperuntukkan belanjawan untuk program perpaduan/ integrasi nasional
- F8 Memupuk semangat patriotisme rakyat
- F9 Mengajukan program yang memupuk rasa cinta akan negara
- F10 Mengukuhkan pertahanan negara
- F11 Menggubal dasar/ undang-undang melindungi keselamatan negara
- F12 Mengadakan program pertahanan di peringkat serantau/ antarabangsa
- F13 Menjaga kesejahteraan sosial
- F14 Wujudkan kerjasama yang baik antara pemimpin dengan rakyat
- F15 Menjaga hubungan diplomatik dengan negara luar
- F16 Menyertai pertubuhan peringkat serantau/ antarabangsa
- F17 Menjalinkan kerjasama antara pemerintah dengan rakyat

## T5 BAB 2

**1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan (ms 22-24)**

**F1 Undang-undang Negeri Melayu**

- H1a Raja sebagai pemerintah
- H1b Rakyat memberikan taat setia
- H1c Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja
- H1d Undang-undang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka
- C1d Hukum Kanun Melaka/ Undang-Undang Laut Melaka
- H1e Mempengaruhi kandungan undang-undang bertulis di negeri Melayu yang lain
- C1e Hukum Kanun Pahang/ Undang-Undang Kedah/ Undang-Undang Johor/ Undang-Undang 99 Perak

**F2 Undang-undang Inggeris**

- H2a British memperkenalkan undang-undang di Negeri-negeri Selat (NNS)/ Charter of Justice
- H2b Diambil daripada undang-undang yang digubal di England
- H2c Piagam terpilih yang bersesuaian dengan kegunaan NNS sahaja diguna pakai

- C2c Charter of Justice 1807
- H2d Di Sarawak terdapat The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949 yang menggunakan The Common Law of England
- H2e Di Sabah terdapat undang-undang yang sama disebut Sabah Application of Laws Ordinance 1951

### **F3 Charter of Justice di Negeri-negeri Selat**

- H3a Undang-undang diambil dari England
- H3b Matlamat untuk melindungi penduduk asal daripada penindasan/ ketidakadilan
- H3c Charter of Justice I – 1807 mewujudkan mahkamah di Pulau Pinang
- H3d Charter of Justice II – 1826 menyatukan mahkamah di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang
- H3e Charter of Justice III – 1855 mewujudkan mahkamah di Singapura dan Melaka serta Pulau Pinang

### **F4 Council Negri (Majlis Negeri) Sarawak**

- H4a Mengandungi 45 orang ahli
- H4b Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha
- H4c Majlis Tertinggi dipengerusikan oleh Gabenor dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha/ Setiausaha Kewangan/ Peguam Negara
- H4d Perlembagaan Sarawak 1959 memberikan kuasa pentadbiran negeri kepada Majlis Tertinggi/ Council Negeri

### **F5 Majlis Undangan dan Majlis Kerja di Sabah**

- H5a Majlis Undangan memberikan kuasa kepada Gabenor untuk menggubal undang-undang dalam pemerintahannya

## **2 Jelaskan sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan. (ms 25-27)**

- F1 Bermula pada tahun 1877 hingga 1957
- F2 Undang-undang dalam negara dibentuk oleh badan yang sah dalam perundangan
- F3 Parlimen berkuasa penuh membentuk undang-undang sejak negara merdeka
- F4 Ahli Parlimen berperanan meminda perlembagaan bagi menegakkan kedaulatan negara
- F5 Di Negeri-negeri Selat, Charter of Justice melindungi penduduk
- F6 Pembentukan undang-undang di negeri Melayu dimulakan oleh Majlis Negeri Perak
- F7 Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak pada tahun 1877 telah menjadi titik tolak pembentukan undang-undang negara
- F8 Majlis Negeri Perak menggubal undang-undang bagi negeri Perak
- F9 Peranan sama dimainkan oleh semua Majlis Negeri di negeri-negeri Melayu yang lain
- F10 Pada tahun 1946, undang-undang di Negeri-negeri Selat (NNS) digubal oleh Majlis Undangan Negeri
- F11 Undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) digubal oleh Majlis Persekutuan
- F12 Undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) digubal oleh Majlis Negeri
- F13 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948 menjadi titik penting pembentukan sebuah Persekutuan
- H14 Terdiri daripada negeri-negeri Melayu/ Melaka/ Pulau Pinang

- F15 Antara kandungan Persekutuan Tanah Melayu 1948 termasuklah pentadbiran/ kuasa raja Melayu/ perundangan/ kewarganegaraan
- F16 Suruhanjaya perlembagaan dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu/ Suruhanjaya Reid
- F17 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster dari Britain
- F16 Berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957
- F17 Menjadi asas perlembagaan negara hari ini

### **3 Huraikan ciri utama Perlembagaan Persekutuan (ms 28-29)**

#### **F1 Ciri Tradisional**

- H1a Kesultanan / Pemerintahan Beraja
- H1b Sultan merupakan pemerintah berdaulat
- H1c Memiliki kuasa penuh di negeri masing-masing
- H1d Pemerintahan beraja disesuaikan dengan konsep Demokrasi Berparlimen setelah merdeka
- H1e Peruntukan melalui perlembagaan kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai pemerintah tertinggi negara
- H1f Kuasa Yang di-Pertuan Agong termasuklah kuasa mengampun dan menanggukuhkan hukuman orang yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah
- H1g Kuasa membuat pelantikan bagi jawatan utama negara
- H1h Peringkat negeri, raja adalah ketua negeri
- H1i Terletak kuasa eksekutif yang dilaksanakan melalui nasihat Majlis Mesyuarat Negeri
- H1j Kuasa mengampun dan menanggukuhkan hukuman kepada mereka yang disabitkan kesalahan oleh mahkamah
- H1k Pelantikan jawatan utama negeri
- H1l Tonggak kehormatan/keadilan
- H1m Mengurniakan anugerah/penghormatan/bintang kehormat kepada individu terpilih

#### **F2 Agama Islam**

- H2a Zaman British, raja tidak perlu menerima nasihat daripada penasihat British berkaitan dengan hak /kedaulatan raja/ adat istiadat /agama Islam
- H2b Selepas merdeka, agama Islam bagi negeri Melayu terletak di bawah kuasa raja di negeri masing-masing
- H2c Wilayah Persekutuan dan negeri tidak beraja, perkara ini terletak di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong

#### **F3 Bahasa Melayu**

- H3a Digunakan dalam pemerintahan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka,
- H3b Menjadi *lingua franca*
- H3c Berperanan sebagai bahasa ilmu
- H3d Menjadi bahasa kebangsaan/ bahasa rasmi hingga kini

#### **F4 Kedudukan orang Melayu dan Bumiputera**

- H4a Sebelum merdeka, kedudukan orang Melayu dan bumiputera di bawah kuasa raja dan ketua peribumi
- H4b Yang di-Pertuan Agong memelihara kedudukan istimewa orang Melayu/ bumiputera Sarawak dan Sabah /kepentingan sah kaum lain selepas merdeka

**F5 Ciri moden**

- H5a Kerajaan Persekutuan
- H5b Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu
- H5c Sarawak dan Sabah diberi beberapa autonomi apabila Malaysia dibentuk

**F6 Sistem Demokrasi Berparlimen**

- H6a Asas kepada demokrasi ialah pilihan raya umum pada tahun 1955
- H6b Memberikan kebebasan kepada rakyat memilih wakil pemimpin /menubuhkan kerajaan
- H6c Penubuhan SPR menentukan pilihan raya dijalankan dengan adil
- H6d SPR bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan pilihan raya
- H6e Pilihan raya persekutuan memilih wakil bagi membentuk Kerajaan Persekutuan
- H6f Pilihan raya negeri memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri

**F7 Kewarganegaraan**

- H7a Mula diperkenalkan pada tahun 1948 melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- H7b Tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama bagi seluruh negara pada peringkat awal
- H7c Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja
- H7d Terdapat penduduk yang mendapat kerakyatan British sekiranya dilahirkan di Melaka/ Pulau Pinang
- H7e Kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya

**4 Jelaskan pindaan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tahun 1963 dan 1965. (ms 30-31)****(i) Pindaan Perlembagaan 1963****F1 Struktur Mahkamah Atasan dipinda selepas pembentukan Malaysia**

- H1a Memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu
- H1b Tiga perkara utama yang dipinda
- H1c Perlembagaan PTM 1957 menetapkan struktur Mahkamah Atasan mengikut model Mahkamah Tertinggi England
- H1d Iaitu membahagikan Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rayuan
- H1e Pembentukan Malaysia mewujudkan Mahkamah Atasan iaitu Mahkamah Persekutuan Tanah Melayu / Sarawak /Sabah / Singapura
- H1f Mahkamah Persekutuan mendengar persoalan perlembagaan /pertikaian antara kerajaan Persekutuan dan Negeri

**F2 Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo**

- H2a Perlembagaan Malaysia mengekalkan kedudukan Mahkamah Tinggi Malaya
- H2b Dan menubuhkan Mahkamah Tinggi Borneo
- H2c Berperanan menguruskan soal kehakiman di Sarawak /Sabah.
- H2d Jawatan Ketua Hakim Borneo diwujudkan
- H2e Berpusat di Kuching, Sarawak.
- H2f Nama jawatan ini diubah kepada Ketua Hakim Sarawak /Sabah pada tahun 1994

- F3** Sarawak dan Sabah diketuai oleh Yang di-Pertua Negeri  
H3a Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.  
H3b Mengikut nasihat Majlis Tertinggi bagi Sarawak / Kabinet Negeri bagi Sabah.

**(ii) Pindaan Perlembagaan 1965 (ms 30-31)**

- F4 Tunku Abdul Rahman membawa usul pindaan perlembagaan  
H4a Dikenali pindaan Singapura di Parlimen pada Ogos 1965.  
H4b Kelulusan oleh Parlimen membolehkan Singapura keluar daripada Malaysia.  
H4c Semua perkara berkaitan dengan Singapura dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia  
C4c Imigresen/kewangan/hubungan luar negara /pertahanan.

**5 Jelaskan kepentingan mendaulatkan perlembagaan negara. KBAT**

- F1 Penyesuaian dengan keperluan semasa  
F2 Melicinkan urusan pentadbiran negara  
F3 Menjamin keselamatan negara  
F4 Mewujudkan kestabilan politik / keamanan negara  
F5 Menjamin taat setia rakyat kepada negara  
F6 Memangkin kestabilan ekonomi  
F7 Kegiatan ekonomi dapat berkembang pesat  
F8 Rancangan pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan berkesan  
F9 Mengelakkan perbalahan antara kaum  
F10 Menjamin hak asasi rakyat terpelihara

**6 Sejauhmanakah kepentingan perlembagaan 1957 dalam pembentukan negara bangsa Malaysia. KBAT**

**F1 Perlembagaan menjadi panduan untuk mentadbir negara Malaysia**

- H1a Menghalang daripada berlaku penyalahgunaan kuasa  
H1b Kerajaan negeri mendapat kuasa autonomi yang adil  
H1c Wujud Kerajaan Persekutuan yang kuat

**F2 Prinsip pengasingan kuasa melalui badan perundangan, badan pelaksana dan badan kehakiman**

- H2a Membawa kepada kelancaran sistem pentadbiran  
H2b Tidak ada penyalahgunaan kuasa / semak dan imbang  
H2c Pentadbiran lebih teratur/sistematik  
H2d Setiap badan menjalankan tanggungjawab dengan amanah  
H2e Memperkukuh pemerintahan berwibawa  
H2f Menghalang kemasukan anasir luar

**F3 Mewujudkan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen**

- H3a Menjamin hak asasi rakyat / kebebasan rakyat Malaysia  
H3b Warganegara bebas berpersatuan/beragama /memiliki harta  
H3c Membentuk bangsa yang demokratik / matang  
H3d Rakyat boleh menyuarakan pandangan dengan bebas pada saluran yang betul  
C3d Di Dewan Rakyat /Parlimen

**F4 Wujud kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

- H4a Memudahkan pembangunan yang seimbang
- H4b Negara dapat berkembang maju dalam bidang ekonomi
- H4c Sarawak dan Sabah mengalami kepesatan pembangunan dari sudut sosial dan perkhidmatan
- H4d Mereka tidak ketinggalan dalam aspek pembangunan
- H4e Sama-sama menikmati kemajuan / berdaya saing

**F5 Rakyat taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong**

- H5a YDPA bertanggungjawab menjaga dan memelihara hak istimewa / kedudukan orang Melayu / bumiputera Sarawak / Sabah
- H5b Hak kaum lain juga dijaga / diiktiraf
- H5c Rakyat dapat hidup dengan aman / makmur
- H5d Masing-masing tahu akan kedudukan mereka dalam perlembagaan
- H5e Melahirkan rakyat yang setia kepada negara Malaysia

**F6 Rakyat menghormati / mematuhi perlembagaan / undang-undang**

- H6a Menjadi panduan dalam aturan kehidupan sebagai warganegara
- H6b Menjadikan rakyat lebih berdisiplin
- H6c Mematuhi peraturan jalan raya / menghormati hak / kepentingan orang lain
- H6d Kehidupan lebih teratur
- H6e Keharmonian negara dinikmati

**T5 BAB 3**

**1 Kesultanan atau pemerintahan beraja merupakan salah satu ciri tradisional dalam Perlembagaan Persekutuan. Jelaskan. (ms 38)**

- F1 Merupakan yang tradisi yang berakar umbi/ teras kerajaan Melayu.
- F2 Raja memerintah dengan kuasa yang penuh / berdaulat
- F3 Pemerintahan beraja tidak terhapus / berkembang dengan peredaran masa
- F4 Diiktiraf sebagai Raja Berperlembagaan
- F5 Seiring dengan konsep demokrasi berparlimen
- F6 Secara tradisinya, Raja-raja Melayu dianggap sebagai sumber undang-undang/ketua kerajaan /ketua agama.
- F7 Bersetuju / tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja
- F8 Bertanggung jawab mempertahankan adat /struktur masyarakat dalam kerajaan Melayu
- F9 Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu
- F10 Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu/bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain.
- F11 Berperanan sebagai Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.
- F12 Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkaitan
- F13 Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu
- F14 Keabsahan bagi semua tindakan terletak pada kedaulatan raja-raja Melayu.

**2 Jelaskan peranan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dari sudut kuasa eksekutif. (ms 48)**

**F1 YDPA bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.**

**F2 Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri.**

H2a Melantik seorang Perdana Menteri dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat

H2b yang pada budi bicara baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat

H2b Dengan nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-menteri/Timbangan-timbangan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

**F3 Pelantikan jawatan penting**

H3a Melantik Peguam Negara / Panglima Angkatan Tentera / Ketua Audit Negara

H3b Melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya/ Ahli Suruhanjaya Polis / sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera

**F4 Ketenteraan**

H4a Pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia

H4b Dibantu Majlis Angkatan Tentera

H4c Bertanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan/ tatatertib /pentadbiran angkatan tentera /perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera

**F5 Diplomatik**

H5a Melantik diplomat Malaysia ke luar negara.

H5b Menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka bertugas

**3 Sejauhmanakah konsep pengasingan kuasa dapat mengukuhkan sistem pentadbiran di negara kita? (ms 55-56 & KBAT)**

F1 Memantapkan pemerintahan melalui konsep semak dan imbang

F2 Mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik/ ekonomi / dasar negara

F3 Kuasa pengimbang pada raja dapat meredakan konflik yang berlaku

H3a pertikaian parti politik / perselisihan antara kaum

F4 Mekanisme semak dan imbang berlaku melalui pengasingan kuasa

H4a Badan Kehakiman/ Badan Eksekutif /Badan Perundangan

F5 Badan perundangan berperanan menggubal undang-undang

H5a yang akan dilaksanakan oleh Badan Eksekutif

F6 Jika timbul konflik/ kekeliruan, penyelesaian dibuat melalui Badan Kehakiman

F7 Badan Kehakiman mestilah bebas dari pengaruh politik

F8 Bertujuan memastikan badan kehakiman sebagai institusi keadilan

F9 Menjamin integriti badan kehakiman sebagai badan yang bertanggungjawab menjamin keadilan sosial

F10 Melicinkan proses pentadbiran

F11 Tiada pertindihan kuasa

F12 Mewujudkan sistem pemerintahan yang adil dan saksama

F13 Memastikan kuasa pemerintahan tidak dikuasai oleh seseorang / sesebuah institusi

**4 Sistem Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen terus diamalkan selepas merdeka. Buktikan (KBAT)**

- F1 Pemerintahan beraja diteruskan dalam Perlembagaan Persekutuan
- F2 Beberapa pindaan dibuat supaya sesuai dengan konsep demokrasi
- F3 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan
- F4 Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Utama Negara
- F5 Kedudukan/ kuasa /tugas Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan
- F6 Raja diiktiraf sebagai pemerintah tertinggi negara
- F7 Sultan memerintah pada peringkat negeri
- F8 Rakyat diberi hak memilih wakil melalui pilihan raya
- F9 Pemerintahan beraja menjadi identiti kedaulatan negara
- F10 Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan proses yang bersandarkan muafakat
- F11 Sistem ini perlu dipertahankan sebagai tonggak kestabilan / teras perpaduan untuk kemakmuran negara.

**5 Mengapakah amalan pengasingan kuasa dilaksanakan dalam pemerintahan negara? (ms 52-53) KBAT**

- F1 Memastikan kestabilan politik
- F2 Badan Perundangan, Badan Pelaksana dan Badan Kehakiman mempunyai pengaruh/ kuasa yang berasingan
- F3 Mewujudkan keadilan sosial
- F4 Memastikan sistem kehakiman bebas daripada campurtangan politik
- F5 Memastikan pentadbiran dalam negara berjalan dengan lancar/ berkesan
- F6 Mempertahankan kedaulatan negara
- F7 Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan kaedah terbaik untuk mengimbangi amalan demokrasi sosiopolitik di negara kita
- F8 Mengimbangi pemerintahan demokrasi
- F9 Raja berkecuali dalam hal politik ekonomi / dasar negara
- F10 Mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi
- F11 Seperti pertikaian parti politik/ perselisihan antara kaum
- F12 Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif
- F13 Meningkatkan imej negara

**6 Mengapakah institusi Raja Berperlembagaan di negara kita perlu dipertahankan? KBAT**

- F1 Raja menaungi rakyat
- F2 Simbol kedaulatan negara
- F3 Pemerintahan beraja mengimbangi pemerintahan demokrasi
- F4 Memilih pemimpin yang berwibawa menerajui negara
- F5 Rakyat hidup dalam keadaan aman
- F6 Pembangunan ekonomi negara berkembang pesat
- F7 Perpaduan kaum dapat dikekalkan
- F8 Dasar negara dapat diteruskan dengan jayanya
- F9 Memastikan wujud keharmonian di kalangan rakyat
- F10 Perlembagaan menjadi rujukan dan panduan

- 7 Jelaskan kebebasan asasi atau hak asasi bagi setiap rakyat Malaysia yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. (ms 51)**
- F1 Hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang**
- F2 Kebebasan diri**  
 H2a Tiada seseorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang
- F3 Kebebasan Beragama**  
 H3 Islam ialah agama Persekutuan / Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing
- F4 Hak berkenaan dengan pendidikan**  
 H4 Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama/ ras/ keturunan / tempat lahir
- F5 Kebebasan bersuara/ berhimpun/ berpersatuan**  
 H5 Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara/ berhimpun secara aman / membentuk persatuan
- F6 Kebebasan asasi yang diperuntukkan tidak bersifat mutlak**  
 H6 tetapi tertakluk kepada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen
- F7 Kebebasan bersuara termasuklah kebebasan media yang dikawal oleh akta Hasutan 1948 / Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984**
- 8 Nyatakan *tiga* institusi yang berperanan dalam menguruskan pentadbiran dan pemerintahan negara (ms51)**
- F1 Badan Peundangan  
 F2 Badan Eksekutif  
 F3 Badan Kehakiman
- 9 Mengapakah sistem demokrasi Berparlimen di negara kita perlu dipertahankan? KBAT**
- F1 Keamanan negara dapat dikekalkan**  
 H1a Gabungan sistem tradisi dan moden iaitu pemerintahan beraja dan unsur demokrasi  
 H1b Berjaya membentuk pentadbiran yang sistematik / unggul  
 H1c Tersusun / sistematik /  
 H1d Berdasarkan prinsip keluhuran perlembagaan
- F2 Mengimbangi amalan demokrasi**  
 H2a Yang mempunyai kepelbagaian bangsa/ agama / budaya dalam masyarakat di negara kita  
 H2b Rakyat boleh menyuarakan pendapat pada saluran yang betul  
 C2b Parlimen / Dewan Rakyat  
 H2c Pemilihan pemerintah / kerajaan melalui pilihanraya  
 H2d Memenuhi aspirasi rakyat berdasarkan prinsip demokrasi

**F3 Berjaya mewujudkan kestabilan**

- H3a Membawa kemajuan dalam pelbagai bidang untuk bangsa/ negara Malaysia
- H3b Rakyat menjunjung tinggi prinsip-prinsip perlembagaan
- H3c Patuh pada undang-undang
- H3d Kekacauan tidak berlaku
- H3e Saling menghormati antara pelbagai bangsa / bersama-sama membina negara

**F4 Mengekalkan warisan pentadbiran**

- H4a Menjadi amalan kerajaan Melayu Melaka
- H4b Melahirkan negara bangsa yang utuh dan cemerlang
- H4c Melahirkan ikatan yang kukuh antara pemerintah dan rakyat
- H4d Memperkasa perpaduan rakyat berbilang bangsa
- H4e Meneruskan muafakat yang erat antara Raja dan pembesar
- H4f Melahirkan rakyat yang taat setia kepada pemerintah

**F5 Pemilihan pemimpin / kerajaan melalui pilihanraya**

- H5a Peringkat persekutuan dan negeri
- H5b Memilih pemimpin berwibawa untuk mentadbir negara
- H5c Memastikan kerjasama pemimpin dan rakyat terus utuh
- H5d Bersama-sama membangunkan negara

**T5 BAB 4**

**1 Terangkan/ Jelaskan/ Huraikan bidang kuasa kerajaan negeri (ms 70)**

- F1 Setiap negeri di Malaysia mempunyai Dewan Undangan Negeri (DUN) yang Mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang bagi negerinya.
- F2 Bidang kuasa kerajaan negeri ialah undang-undang Islam
- F3 Perkara berkaitan tanah
- F4 Pertanian dan perhutanan
- F5 Kerajaan tempatan
- F6 Hari kelepasan negeri

**2 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (ms 72-79)**

**F1 Pembangunan Tanah**

- H1a Peringkat awal kemerdekaan, kerjasama sosioekonomi tertumpu pada pembukaan tanah baharu / pembangunan In-Situ.
- H1b Menubuhkan FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
- H1c Mengurus /menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam membangunkan rancangan pembangunan tanah baharu
- H1d Penubuhkan FELCRA (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan) 1966

**F 2 Pembangunan Wilayah**

- H2a Menyatukan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar di seluruh negara.
- H2b Pembangunan In-Situ untuk pembangunan fizikal desa
- C 2b Membina kemudahan asas/rumah rakyat / pusat pertumbuhan ekonomi desa

### **F3 Pembangunan Koridor Wilayah**

- H3a Selepas 2005, kerjasama sosioekonomi dilaksanakan melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan.
- H3b Merupakan perancangan strategik jangka panjang
- H3c Menumpukan kepada pembangunan di negeri /wilayah yang kurang pesat
- H3d Mewujudkan keseimbangan pembangunan negeri dan wilayah.

### **F4 Kerjasama Pemuliharaan Khazanah Negara**

- H4a Malaysia terkenal dengan kekayaan flora / fauna.
- H4b Mengekalkan warisan biodiversiti untuk kepentingan generasi kini dan akan datang
- H4c Bekerjasama mewujudkan rangkaian kawasan perlindungan
- C4c Taman negara / taman laut.

### **F5 Pengurusan Taman Negara**

- H5a Pengurusan hidupan liar / taman negara merupakan tanggungjawab bersama
- H5b Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 / [Akta 76] diwujudkan tahun 1972. 2010 digantikan dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar /2010 / Akta 716.
- H5c Tahun 1972-1978, Kerajaan Persekutuan mengambil alih pentadbiran semua Jabatan Mergastua Negeri di Semenanjung Malaysia/
- H5d Jabatan Mergastua dinamakan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar & Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia.
- H5e Pengurusan taman negara Sarawak di bawah pengurusan Perbadanan Perhutanan Sarawak/ Taman negara di Sabah di bawah Jabatan Hidupan Liar Sabah

### **F6 Pengurusan Taman Laut**

- H6a Terdapat 42 pulau di Kedah, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Labuan
- H6b diwartakan sebagai taman laut sejak tahun 1994
- H6c Kerajaan Persekutuan membentuk dasar berkaitan taman laut.
- H6d Kerajaan Negeri berkuasa terhadap pembangunan pulau
- H6e Penyelarasan pentadbiran dibuat melalui Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Taman Laut dan Rizab Laut
- H6f Jabatan Taman Laut Malaysia ditubuhkan tahun 2007
- H6g Bertanggungjawab secara keseluruhan dasar pengurusan taman laut di Malaysia
- H6h Pada 2018, pengurusan taman laut dipindahkan ke Jabatan Perikanan Malaysia.
- H6i Kawasan perlindungan marin perairan Sabah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri
- H6j Melalui agensinya Taman-Taman Sabah.

### **F7 Kerjasama Penyediaan Perumahan Rakyat**

- H7a Pada awal kemerdekaan, Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri bekerjasama menyediakan perumahan kos rendah
- H7b Terutamanya di kawasan bandar
- H7c Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada 1964
- H7d Menggiatkan usaha menyediakan perumahan kos rendah
- H7e Kerajaan Negeri menyediakan tanah yang dijual pada harga rendah kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina rumah
- H7f Selepas 1970, Kerajaan Persekutuan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri membina rumah untuk rakyat berpendapatan rendah
- H7g Bagi mengatasi masalah kemiskinan
- H7h Kerajaan Persekutuan melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) pada 1997
- H7i Membina perumahan awam di seluruh negara

- H7j Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak membina rumah rakyat berpendapatan rendah  
H7k Memperkenalkan program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR).

## **F8 Kerjasama Menjamin Keselamatan Dan Kedaulatan Negara**

- H8a Keselamatan dan Pertahanan negara di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan  
H8b Keselamatan dalam negeri / ketenteraman awam di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri (KDN)  
H8c Pertahanan negara di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH)  
H8d Diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN)  
H8e Mewujudkan Kawasan Keselamatan Khas di Sarawak dan Sabah:  
H8f Pemerintahan keselamatan daerah Rajang di Sarawak  
H8g Kawasan keselamatan khas pantai timur Sabah

## **F9 Pemerintahan Keselamatan Daerah Rajang Di Sarawak**

- H9a Berikutan ancaman komunis Tun Abdul Razak Hussein mengisytiharkan Bahagian Ketiga Sarawak sebagai RASCOM  
H9b Rajang Area Security Command [RASCOM] / Pemerintahan Keselamatan Rajang dikuatkuasakan pada 26 Mac 1972  
H9c Ketua Menteri Sarawak adalah Pengarah Operasi Negeri  
H9d Berperanan menyelaraskan fungsi / aktiviti pasukan keselamatan dengan pejabat awam  
H9e Pada 1995, RASCOM dibubarkan / operasi keselamatan di Sarawak di bawah MKN

## **F10 Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah**

- H10a Penubuhan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah  
H10b Ekoran pencerobohan penganas  
H10c Meningkatkan keselamatan Kawasan Timur Sabah daripada sebarang ancaman  
H10d Mengawasi keselamatan 10 daerah Pantai Timur Sabah - Eastern Security Zone (ESSZONE) / Zon Keselamatan Timur Sabah.  
H10e Menambah baik aspek keselamatan  
H10f Membuktikan komitmen kerajaan pada setiap peringkat / mengembalikan semula ketenteraman demi kesejahteraan rakyat.

# **T5 BAB 5**

## **1 Jelaskan Idea/ rasional/faktor pembentukan Malaysia? (ms 90-92)**

### **F1 Konsep yang menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British**

- H1a Konsep Melayu Raya oleh gerakan nasionalis sebelum PD ke 2  
H1b Mahukan kemerdekaan Alam Melayu daripada kuasa imperialis tetapi tidak berjaya dilaksanakan  
H1c British mengemukakan idea penyatuan wilayah penguasaan British di Asia Tenggara dalam satu sistem pentadbiran/ ekonomi  
H1c Tunku Abdul Rahman mencadangkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak/ Sabah/ Singapura/ Brunei untuk merdeka dalam satu sistem kerajaan Persekutuan

## Idea Pegawai British

- F1 1887 - Lord Brassey / Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SBUB)
- H1a Mencadangkannya dalam Dewan Parlimen British
- H1b Menggabungkan Sarawak/ Sabah/ Negeri Melayu dan NNS
- H1c Menjadi tanah jajahan yang besar
- H1d Pegawai British melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini
- 
- F2 1951 - Cadangan Sir Malcolm McDonald / Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara
- H2a Menggabungkan tanah jajahan British di Asia Tenggara
- H2b Membentuk satu entiti politik dan ekonomi
- H2c Selari dengan dasar dekolonisasi British
- H2d Mengadakan perbincangan dengan pemimpin UMNO/Majlis Perundangan Persekutuan.
- H2e Dalam usaha menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan Wilayah Borneo.
- 
- F3 1952 - Sir Gerald Templer / Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu
- H3a Meminta penggabungan wilayah disegerakan
- H3b Bagi tujuan keselamatan / pertahanan
- 
- F4 1960 – Sir Geofroy Tory / Pesuruhjaya Tinggi British di PTM
- H4a Mencadangkan penyatuan Singapura dan PTM
- H4b Atas kepentingan ekonomi
- H4c Mendapat sokongan Pejabat Kolonial.

## Cadangan Penduduk Tempatan ( ms 92)

- F1 1906 – Gesaan Majalah Al Imam
- H1a Penyatuan Raja dan Orang Melayu
- H1b Melalui bidang pendidikan / pembangunan ekonomi di Alam Melayu.
- 
- F2 1936 – Konsep Melayu Raya diperjuangkan
- H2a Idea para nasionalis Tanah Melayu.
- H2b Ibrahim Haji Yaakob / Harun Aminurrashid / Ahmad Boestaman /Ishak Haji Muhammad dan Dr Burhanuddin al-Helmi.
- H2c Cadangkan idea gabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia
- H2d Tetapi gagal/Tidak berhasil.
- H2e Disebabkan Sukarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada 1945.
- H2f Tanpa melibatkan Tanah Melayu
- 
- F3 1955 – Tunku Abdul Rahman /Pemimpin UMNO.
- H3 Cadangkan Singapura, Sarawak, Sabah, Brunai menyertai PTM.
- 
- F4 1958 – Datu Mustapha Harun / pemimpin Sabah.
- H4 Menyatakan minat membawa Sabah menyertai PTM.
- 
- F5 1960 – Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
- H5a Memaklumkan persetujuannya kepada Lord Perth.
- H5b Menggabungkan Sarawak, Sabah, Brunai dan Singapura.

- F6 Cadangan Dato' Onn
- H6 Menamakan negara yang digabungkan sebagai Malaysia
- F7 Lee Kuan Yew
- H7 Membanteras ancaman komunis dalam kerajaan pimpinannya

### **Faktor Pembentukan Gagasan Malaysia (ms 93)**

#### **F1 Keselamatan**

- H1a Ancaman komunis di Singapura telah menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu
- H1b Penyatuan Singapura memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dalam bidang keselamatan dan pertahanan
- H1c Sarawak diancam komunis melalui gerakan CCO
